

Newspaper	SUARA KEADILAN
Date	6 SEPTEMBER 2016



**DARI  
BRICKFIELDS**  
Hishamuddin Rais

# Najib dan senjatanya

Suara Keadilan - 6/9/2016

**BIAR** gua royak terang-terang di sini - Najib sedang dikepung. Musuh Najib berada di luar negara, dalam negara dan dalam parti sendiri. Kes 1MDB yang menjerut leher Najib tidak akan luntur malah makin membara. Akhbar The Wall Street Journal tidak akan berhenti menyerang Najib sehingga Najib hilang kuasa. Portal Internet Sarawak Report dari London akan terus membocorkan maklumat rahsia Najib.

Gua cukup yakin kuasa imperial Amerika mahu Najib diganti. Melalui Department of Justice (DOJ) dan sidang akhbar Peguam Negara Puan Loretta Lynch pada 21 Julai lalu jelas menunjukkan bahawa hari-hari akhir Najib makin dekat. Kuasa imperial Amerika mahu Najib berundur. Babak ini gua amat jelas.

Mahathir, Muhyiddin dan Mukhriz - Gerakan Tigra - terus membakar bontot Najib. Ini semua orang tahu. Dalam parti United Malays National Organisation ramai ahli biasa mula murtad kerana rimas melihat rambut Rosmah.

Para NGO terus menyusun untuk memastikan Najib terus diasak. Pelajar, mahasiswa dan anak muda sedang berkempen ke seluruh negara untuk memastikan Najib ditangkap dan didakwa. Gua difahamkan Bersih akan melancarkan Bersih 5 tidak lama lagi. Amin.

Maka - kalau lu Najib apa lu akan buat? Kalau lu Najib gua ingat lu akan minum air ketum. Kalau lu ada modal lu akan ambil pil Prozac. Kalau lu Najib gua jamin lu akan sesak nafas. Kalau lu Najib lu mungkin cabut lari ke Kazakhstan. Silap-silap lu akan minum cuka getah.

Tetapi Najib bukan lu. Gua juga bukan macam lu. Kalau gua Najib gua akan kalahkan semua musuh gua. Ini bukan kerja senang tetapi tidak juga susah. Ingat tak apa Najib kata - 'cash is king' - kalau lu tak faham lu memang bebal. Maka Najib akan sunun baik-baik. Najib buat rancangan molek-molek. Ini rancangan pasti tak ada siapa dapat kalahkan. Ini dipanggil Ops Dedak.

Kalau gua Najib gua akan baca tulisan ini lima ratus kali. Kemudian gua ikut semua yang ditulis di sini. Najib yakin Najib akan selamat.

Gua ingin beritahu pada pembaca - jangan lalai - jangan alpa. Lihat dan baca betul-betul semua berita. Ingat apa gua cakap - ada berita di belakang berita. Berapa kali gua perlu cakap semua berita ada sejarah dan latar.

Kepada para pembaca apakah tuantuan tidak sedar bahawa Najib kebelakangan ini banyak menggunakan perkataan Arab. Bukan hanya Bismi-

Allah tetapi perkataan macam istiqamah yang gua sendiri tak tahu apa ertinya. Mak Cik Felda lagi tak tahu maknanya. Najib semakin selalu berserban, berjubah dan berYa Na Na. Apa makna ini? Apakah ada undang di sebalik serban?

Mesti lu akan tanya gua - adakah ini 'signal' Najib akan meninggalkan United Malays National Organisation dan masuk Parti Islam SeMalaysia? Sabar dulu-biar gua beri pencerahan.

Lu jangan silap faham. Istiqamah dan Ya Na Na serban dan jubah ini bertujuan untuk mencandat Hadi. Macam mencandat sotong. Mencandat Hadi bukan susah sangat tetapi wajib mengikut bulan dan hari yang betul. Dengan cara, tertib dan aturan yang tepat. Wajib berjubah dan berserban ini adat mencandat Hadi.

Biar gua beritahu di sini. Hukum hudud yang akan masuk Parlimen bulan Oktober nanti adalah umpan sotong. Kalau tak ada 'umpan' hukum hudud agak susah Hadi hendak BerYa Na Na dengan Najib. Hukum hudud ini dijadikan Nina Bobo kepada ahli biasa yang gua jamin tak dapat dedak. Lebai Ketayeh dan Mek Bedoh Hulu Berang akan gembira bila mendengar hudud dah jadi hukum negara.

Ada faham? Lu tanya tentang Sarawak Report? Laporan Sarawak Report tentang 90 juta ringgit itu adalah alat pelincir untuk mencandat. Kalau lu pergi mencandat sotong di Kuala Terengganu lu wajib sera perahu.

Tentang Parti Pas akan saman Sarawak Report? Mustahil ini akan berlaku. Ini sama saja macam cerita dongeng Hari Selasa - Najib nak saman The Wall Street Journal. Ancaman saman ini nak tunjuk gempag pada ahli-ahli biasa yang tak dapat dedak. Ini macam gertak-gertak Baju Merah. Tetapi jangan risau akhirnya tak ada apa-apa. Lu tak caya lu tunggu. Hadi kata dalam satu bulan dia akan saman Sarawak Report di London.

Dalam masa 10 hari cukup satu bulan. Sama-sama kita lihat. Ada saman atau hanya cakap kosong. Lebai Ketayeh dan Mek Bedoh Ulu Berang bukan tahu pun siapa dan apa dia Sarawak Report. Gua berani bertaruh - semua jadi habuk.

Jangan silap faham hukum hudud itu memang umpan tetapi ada lagi umpan yang lebih besar. Lebih besar daripada besar. Ini jenis umpan yang gua dan lu tak tahu.

Ops Dedak sedang kautim. Hudud kautim. Dedak sudah masuk. Lu ingat apa rancangan seterusnya?

Lu jangan silap faham - semua yang dilakukan oleh Najib bukan untuk serban atau jubah. Bukan untuk akidah. Jauh sekali untuk negara agama

dan bangsa. Najib buat semua ini untuk selamatkan diri. Nak selamatkan diri daripada masuk penjara. Lu tak caya?

Kalau Najib bukan Perdana Menteri (PM) gua yakin Rosmah akan ceraikan dia. Kalau Najib bukan PM Najib akan jadi macam Presiden Manuel Noreiga dari Panama. Pada tahun 1989 soldadu Amerika datang menangkap Presiden Noriega kerana terlibat dalam kes mendobi duit. Sampai sekarang Noriega sedang berehat di Amerika.

Lu jangan lupa cakap Loretta Lynch. Lu jangan lupa anak buah Andre McCabe sedang merayau-rayau mencari anak Najib dan Rosmah. Anak Najib dan Rosmah macam Noriega mendobi duit di Amerika. Bezanya Noriega dapat duit dari jual dadah. Manakala Anak Najib dan Rosmah dapat duit dari mencuri duit 1MDB.

Gua amat yakin pada ketika ini Surahjanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang sibuk makan dedak... oppsss.. maaf sedang sibuk mengatur rancangan untuk memastikan Najib dan United Malays National Organisation akan terus menang dalam PRU14.

**Menang besar adalah sasaran akhir Ops Dedak. Bila Najib menang besar dalam PRU14 maka Najib akan berkata kepada Loretta Lynch: Amerika boleh FU. Najib akan berhadapan dengan Mahathir tetapi yang Najib cakap pada Mahathir gua tak berani tulis di sini. Gua rasa malu**

Lu ada baca beratus ribu nama pengundi bertukar tempat. Bertukar bukan dari Lembah Pantai ke Seputeh. Ini dari Kampung Kerinchi ke Changlun Kedah. Dari Bayan Baru Penang ke Kuala Nerang. Ini projek besar. Ini cabang Ops Dedak. Operasi ini disusun untuk memastikan Najib tidak masuk penjara. Untuk memastikan Najib tidak ditangkap oleh FBI.

Gua harap semua yang mimpi-mimpi akan menang dalam PRU14 akan buka mata. Akan buka telinga. Gua harap Mamat dan Minah yang angan-angan nak jadi YB akan sedar bahawa Ops Dedak sedang berjalan dengan teratur. Sekali lagi gua ingatkan - cash is king.

Akhirnya Najib akan bubar Parlimen. PRU14 akan diumumkan. Sabar dulu gua nak royak. PRU14 akan diumumkan apabila semua sotong telah dicandat. Projek Bangsar, projek Ayam, projek Cinta Kelantan, Projek Sup Tangan semua telah tersusun.

Gua rasa sekarang pun Pakatan Harapan bersama parti Bersatu Mahathir Mohamad telah sedia untuk melawan Najib. Gua nak beri ingatan kepada Mahathir, Wan Azizah dan Mat Sabu. Gua nak beri mereka tahu bahawa bahawa Najib ada bom nuklear.

Gua royak di sini - Najib ada dua butir bom nuklear. Tetapi bukan tersimpan dalam sanggul Rosmah. Dua butir bom nuklear dan beberapa butir peluru berpandu ini sedia dipandu Najib dan siap sedia untuk diletupkan di sana sini untuk melahirkan suasana huru-hara.

Bila keadaan huru-hara timbul parti Islam akan meledak dengan kenyataan bahawa mereka akan bertanding di 222 kawasan termasuk Bukit Bintang dan Kepong. Demi Allah parti ini sanggup dan reda hilang duit pertruhan.

Gua amat yakin ledakan nuklear ini akan menjadikan Pakatan Harapan kelim-kabut dan kacau-bilau. Pertarungan 3 penjuru akan memastikan Najib menang besar. Gua gerenti Najib akan menang besar dalam PRU14.

Menang besar adalah sasaran akhir Ops Dedak. Bila Najib menang besar dalam PRU14 maka Najib akan berkata kepada Loretta Lynch: Amerika boleh FU. Najib akan berhadapan dengan Mahathir tetapi yang Najib cakap pada Mahathir gua tak berani tulis di sini. Gua rasa malu.

Sabar dulu gua nak royak. Gua nak beri ingatan kepada semua bakal YB. Lu tak boleh menang. Lu akan ditipu macam PRU13. Lu jangan terperanjat bila gua cakap Najib masih ada satu lagi senjata. Kali ini senjata biologi. Lu jangan silap faham. Ini bukan ledakan kuman atau virus dari Najib. Bukan.

Biologi ini ialah umur. Najib masih muda berbanding dengan Mahathir. Dari segi biologi Najib akan menang. Tetapi bagaimana dengan Bersih 5?

\* Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Suara Keadilan.